

Penguasaan Bahasa Melayu Kanak-kanak Prasekolah Berdasarkan Inventori Penilaian Kemahiran Terancang

Anida Sarudin*, Dahlia Janan, Zulkifli Osman, Ahmad Khair Mohd Noor

*Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi,
Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tg. Malim, Perak, Malaysia.*

Article Information

Received 24 March 2016
Received in revised form 21 June 2016
Accepted 24 June 2016

Abstract

Penggunaan bahan rangsangan yang bersesuaian adalah penting untuk mewujudkan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa untuk kanak-kanak yang berkesan. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti penguasaan bahasa kanak-kanak prasekolah berdasarkan bahan rangsangan berbentuk gambar dan soalan-soalan yang terbahagi kepada lima bahagian linguistik iaitu fonologi, morfologi, sintaksis, semantik dan pragmatik mengikut aras taksonomi Bloom (1956). 75 orang kanak-kanak dalam lingkungan tiga hingga lima tahun telah dipilih secara rawak dan ditemui bual menggunakan instrumen soal selidik bergambar yang dinamakan sebagai Inventori Penilaian Kemahiran Terancang. Dapatkan kajian menunjukkan penguasaan bahasa kanak-kanak lima tahun lebih tinggi daripada kanak-kanak berumur empat dan tiga tahun. Menariknya, terdapat juga dapatan songsang terhadap tahap penguasaan bahasa kanak-kanak tersebut berdasarkan bahagian-bahagian linguistik yang diuji. Dapatkan tersebut menunjukkan penguasaan bahasa kanak-kanak yang terlibat berkemungkinan dipengaruhi oleh ketidakseimbangan penyusunan bahagian-bahagian linguistik dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa mereka.

© 2016 Penerbit Universiti Malaysia Pahang

Keywords: Bahan ransangan; Kanak-kanak prasekolah; Penguasaan bahasa

Preschool children's Malay language acquisition based on Planned Skills Assessment Inventory

Abstract

The used of appropriate material is important to stimulate an effective teaching and learning process for children. This study aims to identify the Malay language acquisition of preschool children using pictorial materials and questions which comprised five parts of linguistics namely phonology, morphology, syntax, semantic and pragmatic based on Bloom's taxonomy (1956). 75 children aged three to five years were randomly selected for the interviews. The interviews were conducted using the pictorial questionnaire known as Planned Skills Assessment Inventory. The findings indicated that the children aged five had higher scores than the younger aged children. Interestingly, the findings also revealed inverse findings in terms of the children's language acquisition in the five parts of linguistics. This implicated the lacks of balance in the teaching and learning of the linguistics parts which could have influenced the children's Malay language acquisition.

Keywords: Language acquisition; Preschool children; Stimulus

* Corresponding author: Tel.: +605-4596000.
E-mail addresses: anida@fbk.upsi.edu.my [Anida, S.]; dahlia@fbk.upsi.edu.my [Dahlia, J.]; zulkifli@fbk.upsi.edu.my [Zulkifli, O.]; khair@fbk.upsi.edu.my [Ahmad Khair, M.N.].

PENDAHULUAN

Pendidikan awal kanak-kanak merupakan sesi pengajaran dan pembelajaran yang penting bagi perkembangan intrinsik dan ekstrinsik kanak-kanak. Perkembangan intrinsik bermaksud aspek pendidikan diberikan untuk menilai potensi prestasi kanak-kanak dalam aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek. Bagi perkembangan ekstrinsik pula, pendidikan yang diterapkan adalah proses pembelajaran hakiki yang perlu dilalui oleh kanak-kanak mengikut tahap umur mereka. Berdasarkan kedua-dua kepentingan pendidikan ini, maka terdapat beberapa kajian yang menunjukkan bahawa guru pendidikan awal kanak-kanak mempunyai pengetahuan yang terhad dalam aspek penilaian perkembangan kanak-kanak akibat pendekatan pra perkhidmatan yang berunsurkan teori dan mengetepikan atau pun memandang ringan pengaplikasian teori dalam aspek pengajaran dan pembelajaran. Hal ini bermakna, terdapat strategi yang tidak efektif dalam pengajaran guru ekoran daripada kurang pengetahuan dan latihan yang jitu dalam proses memberi pendidikan dan dalam masa yang sama menilai kembali keberkesanan pengajaran mereka. Pengajaran guru seharusnya menerapkan pelbagai strategi yang kompeten bagi memastikan kualiti pendidikan yang diterima oleh kanak-kanak sejajar dengan hasrat yang diinginkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Bertitik tolak daripada permasalahan ini, para guru perlu memastikan pedagogi yang digunakan dalam pengajaran bersifat proaktif dan strategi penilaian yang dimanfaatkan dapat mengukur potensi kognitif dan psikomotor kanak-kanak dengan baik dan berkesan.

Anjakan paradigma dalam pendidikan telah mula ditimbulkan melalui Laporan Awal Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2015 (PPPM 2013-2015) yang dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 11 September 2012 dengan memperuntukkan sebelas anjakan yang diharap dapat dilaksanakan dalam tempoh 13 tahun. Kesemua sebelas anjakan paradigma ini adalah bagi menjayakan transformasi pendidikan berasaskan keperluan dan aspirasi dalam menjadikan bidang pendidikan sebagai agen perubahan untuk mendepani cabaran abad ke-21. Guru perlu melakukan peningkatan kualiti dalam pengajaran, khususnya guru-guru yang mengkhusus dalam sesuatu bidang kepakaran bagi memantapkan lagi mutu pendidikan terhadap pelajar-pelajar (Norismayanti Aida & Anida Sarudin, 2013).

Bagi mencapai matlamat yang digariskan, pelbagai teori pembelajaran dan penguasaan kemahiran berbahasa perlu diterapkan supaya dapat digunakan dalam membentuk program pendidikan bahasa yang mantap, berkesan dan bermanfaat untuk masa kini. Pendedahan terhadap pelbagai prinsip asas dalam amalan pengajaran bahasa di bilik darjah juga perlu diberi perhatian serius terutamanya pada peringkat awal pendidikan kanak-kanak. Hal ini supaya pendidikan dan penguasaan bahasa dapat diterapkan dengan baik pada peringkat awal lagi dan seterusnya membantu memartabatkan Bahasa Melayu. Mahzan Arshad (2012) berpendapat bahawa persoalan tentang teori pembelajaran dalam pengajaran bahasa setakat ini dilihat sebagai sesuatu yang amat asing bagi para pendidik Bahasa Melayu di negara ini, terutamanya bagi golongan pendidikan prasekolah. Dalam mencapai matlamat pendidikan awal kanak-kanak, penguasaan bahasa yang baik merangkumi bidang bahasa, tetapi didapati perkara ini tidak diutamakan dalam proses pedagogi di taska atau prasekolah. Kebanyakan guru prasekolah berpendapat bahawa penguasaan bahasa kanak-kanak terhad dan oleh yang demikian, mereka tidak perlu mengambil kira penguasaan bidang bahasa kanak-kanak. Walhal pada asasnya, perkembangan bahasa itu sendiri mempunyai aras bidangnya yang tertentu bermula daripada bidang fonologi, morfologi, sintaksis, semantik dan pragmatik.

Abdul Rashid Ali (1992) menyatakan bahawa kanak-kanak dalam lingkungan umur dua hingga enam tahun secara tidak langsung memperoleh atau menguasai bahasa secara aktif. Oleh itu, proses pengajaran bahasa pada tahap tersebut sangat penting kerana kanak-kanak memperoleh dan menguasai sesuatu bahasa tanpa disedari. Dalam pengajaran bahasa ini, aspek bahasa perlu diterapkan secara holistik. Aspek ini merangkumi aspek fonologi, morfologi, sintaksis, semantik dan pragmatik. Namun begitu, hampir keseluruhan pedagogi guru prasekolah kurang menitikberatkan penguasaan bahasa kanak-kanak yang merangkumi kesemua aspek bahasa tersebut. Oleh itu, paradigma yang berlaku dalam proses pedagogi guru perlu diteliti untuk menilai keberkesanannya dalam mengenal pasti pedagogi guru terutamanya guru prasekolah sama ada pedagogi yang dipraktikkan mereka ini dapat memberi impak terhadap penguasaan bidang bahasa kanak-kanak.

Selaras dengan hasrat ini, maka objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti bahan pengajaran yang digunakan oleh guru prasekolah dalam mengukur penguasaan bahasa kanak-kanak. Objektif ini juga dimanfaatkan bagi mengetahui sejauh manakah bahan rangsangan yang diaplikasikan dapat memastikan potensi kognitif kanak-kanak prasekolah dicapai selari dengan hasrat yang termaktub dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

SOROTAN LITERATUR

Terdapat banyak kajian dan perbincangan yang berkaitan pendidikan prasekolah. Namun, terdapat beberapa kelompongan dan kekurangan dalam kajian-kajian sebelum ini. Kajian-kajian ini hanya membincangkan topik kajian secara umum sahaja tanpa membincangkan teori. Ada kajian yang memfokuskan kepada perkaedahan dan pengukuhan data, tetapi masih belum mantap dan perlu diperkemas lagi. Terdapat juga kajian-kajian yang menimbulkan masalah dan persoalan dalam pembelajaran dapatannya. Walaubagaimanapun, kajian-kajian lalu sedikit sebanyak telah memberi informasi berguna kepada pembaca berkaitan dengan topik kajian. Permasalahan kajian yang dibincang dan difokuskan oleh kajian-kajian lalu telah membuka ruang penyelidikan yang lebih besar kepada pengkaji-pengkaji lain.

Meneliti kajian berkaitan pedagogi guru dan keberkesanannya terhadap penguasaan bahasa kanak-kanak, terdapat beberapa kajian yang dilihat memberi ruang kepada perkembangan kaedah mahupun teknik pengajaran dan pembelajaran oleh para guru prasekolah. Antara contoh kajian pedagogi yang berkaitan ialah kajian Norsita Ali dan Zainal Madon (2014) yang berjudul Tinjauan Awal Interaksi Guru Kanak-kanak dalam Pemupukan Kreatif Kanak-kanak. Menurut kajian mereka, pemupukan pemikiran kreatif sangat penting diterapkan dalam kalangan kanak-kanak prasekolah kerana mereka merupakan bakal pewaris dan modal insan negara pada masa hadapan. Tujuan kajian ini adalah untuk meneroka cara interaksi sehari-hari antara guru dan kanak-kanak dalam perkembangan pemikiran kreatif kanak-kanak di prasekolah KPM. Hasil kajian menunjukkan bahawa sikap guru memainkan peranan penting dalam menentukan persediaan, penyediaan bahan rangsangan dan emosi guru yang akan mempengaruhi gaya pengajaran guru, emosi serta gaya pembelajaran kanak-kanak. Dengan teknik penilaian terhadap perkembangan bahasa, mereka yang bukan sekadar diukur melalui kapasiti perkataan yang mampu diujarkan melalui pertanyaan guru dan respon mereka sepanjang pengajaran berlaku. Oleh itu, kajian ini melihat implikasinya bahan rangsangan dari sudut emosi dan bukannya kualiti pembelajaran kanak-kanak tersebut.

Selain itu, Fatimah Abdullah, Sarnon, Hoesni dan Wan Azreena (2008) pula telah menjalankan kajian yang bertajuk ‘Pola bermain dan fungsinya kepada perkembangan kanak-kanak’. Kajian ini menghuraikan isu berkaitan dengan pola bermain sejak dahulu hingga kini dan fungsinya kepada perkembangan kanak-kanak. Makalah ini didasarkan kepada sumber sekunder daripada penyelidikan perpustakaan dan dianalisis secara induktif. Dapatkan kajian mendapati bahawa aktiviti bermain penting untuk perkembangan fizikal, kognitif, sosial dan emosi kanak-kanak serta terdapatnya implikasi positif atau negatif dengan bergantung pada jenis perisian yang digunakan. Parten (dlm Feldman, 2003), mengkategorikan enam bentuk aktiviti bermain kanak-kanak prasekolah iaitu functional play (aktiviti pergerakan otot), constructive play (aktiviti menguji kemahiran fizikal dan kognitif), parallel play dan onlooker play (melibatkan interaksi kanak-kanak), associative play serta cooperative play yang melibatkan kanak-kanak bermain dan dapat mengaplikasikan pembelajaran melalui bahan-bahan tersebut.

Keenam-enam jenis aktiviti bermain ini boleh dijadikan panduan bagi apa-apa jenis sesi pengajaran termasuklah dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa kanak-kanak dengan menggunakan pendekatan bermain untuk mempelajari huruf, kosa kata, perkataan, ayat dan sebagainya. Aktiviti bermain ini mempunyai dua kepentingan, antaranya kanak-kanak belajar mengenali persekitaran sosial dan fizikal yang seterusnya mengembangkan konsep dan pengalaman kanak-kanak, serta penting untuk menggalakkan pengetahuan yang mempunyai keperluan kepada kanak-kanak. Walaupun kajian ini menggunakan kaedah lanjutan dalam mengukur perkembangan kanak-kanak, namun komponen bahasa kurang ditekankan bagi melihat secara keseluruhan perkembangan mereka. Bertitik tolak daripada kekangan ini, kajian berkaitan aspek bahasa perlu dilakukan.

Kajian oleh Wan Anita Wan Abas dan Azizah Hamzah (2013) pula mengkaji tentang keperluan media dalam kehidupan dan perkembangan kanak-kanak. Walaupun kajian ini tidak secara langsung berkaitan dengan pedagogi guru prasekolah, namun ia dapat memberikan informasi yang berguna sebagai panduan kepada mereka dalam meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak di prasekolah. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara penggunaan media kanak-kanak dengan prestasi akademik mereka. Kajian ini turut disokong oleh Fetler (1984) yang menyatakan bahawa pelajar yang menonton televisyen secara sederhana (1-2 jam sehari) mendapat skor akademik yang lebih berbanding dengan pelajar yang tidak atau kurang menonton. Hal ini kerana Fetler berpendapat televisyen mengalakkan sifat ingin tahu kanak-kanak dan membekalkan pengetahuan. Guru dapat menggunakan kaedah tontonan media seperti televisyen bagi menggantikan aktiviti lain yang lebih bermanfaat kepada kanak-kanak. Namun begitu, kajian ini kurang menyentuh tentang perkembangan bahasa kanak-kanak yang diperoleh hasil penggunaan media oleh guru prasekolah. Sebagai usaha untuk memberikan saranan kepada guru prasekolah untuk meningkatkan penggunaan media, kajian ini turut menyentuh tentang keburukan atau kekurangan media dalam perkembangan linguistik kanak-kanak yang dapat memberi pengaruh yang besar kepada mereka.

Nurul Aminah dan Hasnah Mohamad (2015) telah membuat kajian yang bertajuk Kamus dan Peranannya dalam Meningkatkan Minat Kanak-kanak Mempelajari Bahasa. Kajian ini berfokus kepada peranan dan pencarian ciri kamus yang dapat menarik minat kanak-kanak untuk mempelajari bahasa khususnya dari aspek leksikal. Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengesahkan peranan kamus dalam menarik minat kanak-kanak untuk mempelajari bahasa dengan penerapan Teori Behaviorisme. Sampel kajian terdiri daripada 50 responden kanak-kanak berumur 6 tahun serta menggunakan kaedah kajian lapangan dengan tinjauan, pemerhatian, rakaman dan soal selidik terhadap responden kajian. Dapatkan kajian membuktikan bahawa kamus merupakan medium yang dapat menarik minat kanak-kanak untuk mempelajari bahasa, manakala kamus yang mempunyai entri yang sesuai didapati berupaya membantu kanak-kanak memperkembang kosa kata. Dapatkan turut mendapati bahawa sesi pembelajaran menggunakan kamus akan dilakukan dua hari dalam waktu persekolahan dan kanak-kanak amat menggemari aktiviti belajar menggunakan kamus. Namun begitu, kajian tidak menekankan tentang perincian aspek pengajaran dan pembelajaran yang sesuai untuk penggunaan kamus. Kajian ini dilihat kurang menunjukkan keberkesanan pembelajaran berasaskan kamus terutamanya, dalam aspek linguistik walaupun penggunaannya dilihat dapat menggalakkan sesi pembelajaran yang lebih kondusif dan menyeronokkan. Penggunaan kamus dapat diaplikasikan secara harian oleh guru dalam meningkatkan keberkesanan pedagogi terutama bagi perkembangan bahasa kanak-kanak.

Di samping itu, Siti Ezaleila Mustafa dan Shahruh Nazmi Sannusi (2012) menjalankan kajian bertajuk Majalah sebagai Bahan Bacaan Kanak-kanak: Analisis Elemen Editorial Terhadap Kuntum, E-Baca dan Ana Muslim. Kajian ini bertujuan membuat penganalisaan terhadap kandungan ketiga-tiga majalah tersebut dan kesesuaianya dengan pembelajaran kanak-kanak. Little dan Box (2002) berpendapat bahawa kanak-kanak sebenarnya sudah mula didedahkan dengan bahan yang khusus ditujukan kepada mereka pada usia seawal tiga hingga tujuh tahun, dan ini dipersetujui oleh golongan pendidik yang menyatakan bahawa aktiviti literasi perlu bermula di rumah dan pada usia yang muda. Kajian mendapati bahawa majalah merupakan medium yang sesuai untuk merangsang minda kanak-kanak kerana di dalamnya terdapat pelbagai jenis kandungan dan ruangan dengan menawarkan kandungan atau editorial seperti ruangan cerpen kanak-kanak, kisah bergambar, komik bermanfaat, serta aktiviti yang menguji minda seperti teka silang kata dan lain-lain. Kebanyakan guru sudah mengaplikasikan penggunaan majalah dalam pedagogi, namun begitu kajian tidak dapat membuktikan keberkesanan penggunaan majalah tersebut dalam pedagogi guru untuk peningkatan penguasaan bahasa kanak-kanak. Malah, masih terdapat kekurangan dalam proses pengajaran bahasa berdasarkan kandungan majalah tersebut yang hanya menyentuh aspek linguistik secara umum dan tidak berasaskan hierarki bidang bahasa yang betul. Guru seharusnya dapat menjadikan majalah tersebut sebagai suatu inisiatif pengajaran bahasa yang dapat memperkembangkan penguasaan bahasa kanak-kanak meliputi aspek fonologi hingga pragmatik secara langsung atau tidak langsung.

Kajian ini turut menelusuri kajian yang dilakukan oleh Mohd. Nazri, Mohamad Muhibin, dan Zanariah Ahmad et.al. (2014) dengan tajuk kajian Aplikasi Pendekatan Fuzzy Delphi untuk Membangunkan Pembelajaran Kanak-kanak Homeschooling Menggunakan Media Animasi Interaktif. Kajian ini dilihat sebagai salah satu bentuk pedagogi yang boleh turut diaplikasikan oleh guru prasekolah

dalam meningkatkan pembelajaran kanak-kanak, disamping mengeratkan hubungan antara guru dan kanak-kanak agar mereka dapat merasakan keselesaan seperti pembelajaran di rumah. Kajian mengenai animasi interaktif ini merupakan pendekatan baharu dan media pendidikan yang mengintergrasikan lima elemen utama iaitu teks, grafik, audio, video dan animasi dengan menggunakan pendekatan Fuzzy Delphi. Seramai 15 orang pakar bidang pendidikan kanak-kanak homeschooling dan teknologi pendidikan telah dipilih untuk menganalisis fuzziness consensus pakar. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa animasi interaktif sesuai diaplikasikan sebagai medium pembelajaran bagi kanak-kanak homeschooling. Namun begitu, terdapat kelompangan yang besar dalam kajian ini iaitu tidak dibuat secara praktikal dalam menerapkan pembelajaran tersebut dalam situasi yang sebenar seterusnya mewujudkan keraguan dalam keberkesanan kaedah pembelajaran tersebut. Tambahan lagi, ciri-ciri animasi interaktif juga kurang menekankan aspek linguistik dengan mengenepikan kandungan pembelajaran berasaskan bidang bahasa tertentu. Berdasarkan tinjauan, kajian ini dianggap dapat mengisi kelompangan yang terdapat pada kajian-kajian lepas dengan menghasilkan kajian yang memperincikan keberkesanan pedagogi guru terutamanya terhadap penguasaan bahasa kanak-kanak secara menyeluruh merangkumi semua bidang bahasa.

Berdasarkan tinjauan, jelaslah bahawa kajian-kajian yang dijalankan sebelum ini berkisar tentang impak bahan rangsangan yang digunakan oleh guru dalam memastikan perkembangan potensi kanak-kanak sama ada dalam aspek kognitif, afektif dan psikomotor. Namun, satu perkara yang harus diutamakan juga ialah dalam aspek kualiti bahan rangsangan yang efektif dalam mengukur aspek tersebut. Hal ini kerana bahan pengajaran yang bersesuaian dan selari dengan pengukuran mengikut domain pembelajaran amat penting bagi memastikan penguasaan kanak-kanak dalam domain yang diukur. Maka, kajian ini menjadi titik lanjutan dalam usaha membincangkan secara lebih optimis menggunakan pendekatan linguistik sebagai satu alternatif dalam mengukur potensi berbahasa kanak-kanak, iaitu sejauh mana perkembangan kognitif mereka dapat diilah melalui pengujian bahasa yang digunakan berdasarkan aras taksonomi.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang bersifat deskriptif, iaitu melibatkan penggunaan kaedah soal selidik, temu bual dan rakaman pencerapan daripada responden yang terlibat. Bloomberg dan Volpe (2008) menyatakan bahawa, kaedah kualitatif adalah sesuai digunakan dalam penyelidikan yang bermatlamat menerangkan sesuatu masalah atau fenomena yang berlaku.

Penggunaan kaedah kualitatif ini penting untuk mengenal pasti persepsi, pendapat atau gaya hidup masyarakat terhadap sesuatu isu. Temu bual dilakukan untuk mengetahui persepsi responden terhadap topik kajian. Kajian pencerapan juga amat penting untuk meninjau fenomena yang berlaku dalam sekelompok populasi, khususnya populasi kanak-kanak. Dengan kata lain, pencerapan dilaksanakan bagi meninjau pelaksanaan pengajaran guru-guru yang mengajar di sebuah prasekolah dari sudut amalan pengajaran mereka dan kandungan pengajaran terhadap perkembangan kognitif kanak-kanak. Kaedah ini bersesuaian dengan tujuan kajian untuk melihat paradigma terhadap keberkesanan pedagogi guru prasekolah terhadap penguasaan bahasa kanak-kanak.

3.1 Sampel Kajian

Populasi kajian ini terdiri daripada kanak-kanak yang berumur 3 tahun, 4 tahun dan 5 tahun daripada Pusat PERMATA di negeri Perak. Lima buah pusat PERMATA dipilih untuk kajian ini, iaitu Pusat PERMATA Sungai Siput, Pusat PERMATA Bercham, Pusat PERMATA Padang Rengas, Pusat PERMATA Teluk Intan dan Pusat PERMATA Besout 1. Sampel kajian terdiri daripada 75 orang kanak-kanak prasekolah daripada lima buah pusat prasekolah yang dipilih secara rawak. Setiap satu pusat diwakili 5 orang kanak-kanak untuk setiap peringkat umur, menjadikan jumlah kanak-kanak sebanyak 15 orang bagi setiap pusat. Sampel terdiri daripada nisbah 3 perempuan: 2 lelaki bagi setiap peringkat umur.

3.2 Instrumen dan Prosedur Kajian

Dengan menggunakan instrumen borang soal selidik yang dinamakan sebagai Inventori Penilaian Kemahiran Terancang, pengkaji menemubual kanak-kanak prasekolah secara berstruktur bagi meninjau keberkesanan pedagogi guru prasekolah terhadap penguasaan bahasa kanak-kanak. Borang soal selidik ini terdiri daripada tiga bahagian, iaitu Bahagian 1 diberikan set gambar ‘Ini adik’ berserta soalan-soalan dalam lima bidang iaitu fonologi, morfologi, sintaksis, semantik dan pragmatik, Bahagian 2 diberikan set gambar ‘Saya suka adik’ dan soalan-soalan dalam lima bidang bahasa yang sama serta Bahagian 3, diberikan set gambar ‘Adik minum susu’ berserta soalan-soalan dalam lima bidang bahasa tersebut juga (rujuk Rajah 1). Soalan-soalan yang diberikan berdasarkan aras Taksonomi Bloom (1956). Soalan-soalan yang berkaitan aspek linguistik ditanyakan secara terancang semasa bermain bersama mereka. Setiap aras bermula dengan tahap yang mudah atau rendah hingga ke tahap yang lebih sukar atau tinggi. Perincian Inventori Penilaian Kemahiran Terancang berdasarkan Taksonomi Bloom dapat dirumuskan dalam Jadual 1.



Ini adik.



Saya suka adik.



Adik minum susu.

Gambar 1

Gambar 2

Gambar 3

Rajah 1. Ransangan gambar-gambar yang diberikan kepada kanak-kanak prasekolah

Jadual 1. Perincian Inventori Penilaian Kemahiran Terancang.

Bidang	Aras Kemahiran Taksonomi Bloom					
	Aras Rendah		Aras Sederhana		Aras Tinggi	
	Pengetahuan	Kefahaman	Aplikasi	Analisis	Sintesis	Penilaian
Fonologi	√		√			
Morfologi		√				
Sintaksis				√		
Semantik			√		√	
Pragmatik						√

Inventori Penilaian Kemahiran Terancang merujuk kepada susunan hierarki pemikiran berdasarkan kepada pertanyaan yang dikemukakan. Hal ini bermakna, terdapat pelbagai aras soalan yang terdiri daripada aras kognitif rendah kepada aras kognitif tinggi dengan pecahan kemahiran kognitif yang berbeza. Binaan soalan dengan pelbagai aras kognitif ini memberi kesan kepada pembentukan daya berfikir

sekaligus menjelaskan status pemikiran murid. Instrumen Penilaian Kemahiran Terancang memfokuskan bidang fonologi, morfologi, sintaksis, semantik dan pragmatik. Perincian soalan mengikut aras dan bidang ditunjukkan di dalam Jadual 2.

Jadual 2. Senarai semak taburan soalan berdasarkan instrumen Inventori Penilaian Kemahiran Terancang.

Tahap Bidang Bahasa	Jenis Soalan	Aras Kemahiran Taksonomi Bloom
Fonologi	Nyatakan nama bagi objek dalam gambar 1, 2 dan 3 dengan sebutan yang betul.	Pengetahuan
	Baca ayat pada gambar 1, 2 dan 3	
Morfologi	Apa yang boleh dilihat dalam gambar 1, 2 dan 3.	Analisis
	Tunjuk dua objek yang melambangkan perkataan ‘adik’ dan ‘mainan’ dalam gambar 1.	Sintesis
	Tunjuk dua objek yang melambangkan perkataan ‘saya’ dan ‘adik’ dalam gambar 2.	
Semantik	Tunjuk dua objek yang melambangkan perkataan ‘emak’ dan ‘susu’ dalam gambar 3.	Aplikasi/Adaptasi
	Tunjuk objek yang berwarna merah dan biru pada gambar 1.	
	Tunjuk riak wajah yang menggambarkan perkataan ‘suka’ pada gambar 2.	
Pragmatik	Tunjuk cara ‘minum’ pada gambar 3.	Penilaian
	Mengapa adik seronok di dalam gambar 1?	
	Mengapa kakak memeluk adiknya di dalam gambar 2?	
	Apakah yang emak sedang lakukan kepada adik di dalam gambar 3?	

Nota: Soalan dimodifikasi mengikut aras umur pelajar bermaksud penyelidik tidak mengajukan soalan tersebut berdasarkan laras formal. Soalan-soalan di atas merupakan gambaran secara umum

Kanak-kanak menjawab setiap soalan berdasarkan rangsangan gambar yang diberikan penyelidik. Soalan yang berjaya dijawab dengan betul oleh kanak-kanak, diambil kira sebagai penguasaan mereka bagi satu-satu tahap atau aras bidang bahasa tertentu. Setiap perbualan dirakam dan ditranskripsikan. Proses pencerapan pula dilakukan bagi memantau proses pedagogi guru dalam mencungkil aspek kognitif, psikomotor dan afektif kanak-kanak. Namun, perhatian diutamakan terhadap penilaian aspek kognitif kanak-kanak terlibat. Berikut ditunjukkan rangsangan gambar yang diberikan kepada kanak-kanak yang terlibat.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dalam bahagian ini, penganalisisan dilakukan secara keseluruhan, iaitu untuk mengenal pasti penguasaan komponen bahasa kanak-kanak. Aspek bahasa yang diberi tumpuan merangkumi bidang fonologi, morfologi, sintaksis, semantik, dan pragmatik. Soalan dalam bidang fonologi menyentuh tentang sejauh mana kanak-kanak dapat membunyikan perkataan seperti yang terdapat dalam gambar-gambar yang diberikan. Soalan dalam bidang morfologi pula menyentuh tentang sejauh mana kanak-kanak tersebut


dapat menghasilkan perkataan berdasarkan rangsangan gambar-gambar yang diberikan. Seterusnya soalan dalam bidang semantik menilai sejauh mana kanak-kanak prasekolah yang terlibat memahami peranan atau situasi berdasarkan rangsangan gambar yang diberikan oleh penyelidik. Begitu juga soalan dalam bidang pragmatik menguji keberkesanan kanak-kanak prasekolah mengaitkan gambar dengan pengalaman sedia ada mereka, manakala soalan dalam bidang sintaksis diuji bagi mengukur ayat-ayat ringkas yang boleh dituturkan oleh golongan ini selari dengan umur mereka. Respon daripada kanak-kanak ini dapat mengukur potensi kognitif kanak-kanak tersebut. Soalan-soalan ukuran berdasarkan bidang-bidang bahasa ini diukur berpandukan aras Taksonomi Bloom (1956).

Jadual 3 menunjukkan prestasi kognitif kanak-kanak hasil responden maklum balas mereka terhadap instrumen gambar yang telah diberikan. Bidang bahasa yang diukur terhadap kanak-kanak meliputi bidang fonologi, morfologi, sintaksis, semantik dan pragmatik.


Jadual 3. Penguasaan kognitif responden dalam bidang-bidang bahasa secara keseluruhan.

Sistem Bahasa	3 Tahun			4 Tahun			5 Tahun		
	G1	G2	G3	G1	G2	G3	G1	G2	G3
Fonologi	3 4.0%	3 4.0%	3 4.0%	7 9.3%	7 9.3%	10 13.3%	17 22.7%	18 24.0%	17 22.7%
Morfologi	3 4.0%	3 4.0%	3 4.0%	10 13.3%	7 9.3%	8 10.7%	17 22.7%	14 18.7%	14 18.7%
Sintaksis	4 8.3%	1 1.3%	18 24.0%	10 13.3%	8 10.7%	23 30.7%	14 18.7%	15 20.0%	23 30.7%
Semantik	18 24.0%	19 25.3%	10 13.3%	21 28.0%	21 28.0%	18 24.0%	25 33.3%	22 29.3%	24 32.4%
Pragmatik	19 25.3%	13 17.3%	22 29.3%	22 29.3%	20 26.7%	25 33.3%	22 29.3%	25 33.3%	25 33.3%


Petunjuk: G1 – Gambar 1; G2 – Gambar 2; G3 – Gambar 3; % - Peratus



Rajah 2. Penguasaan kognitif dalam bidang-bidang bahasa responden berdasarkan G1



Rajah 3. Penguasaan kognitif dalam bidang-bidangan bahasa responden berdasarkan G2



Rajah 4. Penguasaan kognitif dalam bidang-bidang bahasa responden berdasarkan G3.

4.1 Bidang Fonologi

Bidang fonologi menguji sejauh mana kanak-kanak prasekolah dapat membunyikan perkataan yang terdapat dalam gambar-gambar yang diberikan oleh penyelidik. Berdasarkan Jadual 3, kekerapan responden dalam penguasaan fonologi dirumuskan berdasarkan pencapaian responden dalam rangsangan gambar yang berbeza. Bagi responden yang berumur 3 tahun, mereka dapat menguasai bidang fonologi pada ketiga-tiga gambar yang diberikan, iaitu melibatkan sejumlah 3 orang (4.0%) responden. Jumlah ini menunjukkan kadar pencapaian yang rendah berbanding jumlah mereka yang tidak dapat menguasai ketiga-tiga gambar tersebut. Seterusnya, pada tahap umur 4 tahun, jumlah responden yang dapat menguasai bidang fonologi hanya melibatkan seramai 7 orang (9.3%) responden bagi gambar 1 dan 2, dan sejumlah 10 orang (13.3%) responden bagi gambar 3. Responden yang berumur 5 tahun menunjukkan kekerapan seramai 17 orang (22.7%) bagi gambar 1 dan 3, serta 18 orang (24.0%) bagi gambar 2.

Bidang fonologi merupakan suatu bidang yang mengkaji sesuatu bahasa, iaitu rumus-rumus yang menentukan sebutan (Ahmad Hamid Mahmood, 2007). Penguasaan pemerolehan sistem fonologi bermula

semasa kanak-kanak dalam lingkungan umur 2-5 tahun, iaitu mampu menyebut perkataan yang pertama untuk berkomunikasi. Menurut Akmajian, Demers, Farmer dan Robert (1995), bagi setiap kata yang kanak-kanak tahu, mereka telah mempelajari sebutan secara langsung. Misalnya, dengan mengetahui perkataan ‘pokok’, kanak-kanak sebahagiannya telah mengetahui bunyi [pokok], dengan lebih tepat lagi, urutan bunyi [p], [o], [k], [o] dan [k] tersebut. Maka, pada peringkat umur 3 hingga 5 tahun, secara normalnya mereka sudah boleh menyebut perkataan dengan baik. Namun begitu, keputusan kajian ternyata tidak menunjukkan kemampuan responden dalam menguasai bidang fonologi khususnya kanak-kanak yang berumur 3 tahun. Hal ini kerana responden yang terlibat masih pelat dalam menyebut sesuatu perkataan dan perkataan yang diujarkan tidak jelas sebutannya, contohnya;

/atik/ (adik), /atak/ (akak), /alam/(dalam), /cuka/ (suka), /ceronok/ (seronok)

4.2 Bidang Morfologi

Bidang morfologi diuji dari sudut sejauh mana kanak-kanak prasekolah yang terlibat menghasilkan perkataan berdasarkan rangsangan gambar yang diberikan oleh penyelidik. Kekerapan responden dalam penguasaan bidang morfologi dirumuskan (seperti Jadual 1) berdasarkan pencapaian responden terhadap rangsangan gambar yang diberikan. Berdasarkan rangsangan gambar, 1, 2 dan 3, responden yang berumur 3 tahun dikenal pasti dapat menguasai bidang ini apabila dapat menjawab dengan betul setiap soalan yang diajukan. Hal ini melibatkan sejumlah 3 orang (4.0%) responden bagi setiap rangsangan gambar tersebut, manakala bagi responden yang berumur 4 tahun pula, menunjukkan kekerapan menguasai bidang morfologi melibatkan sejumlah 10 orang (13.3%) responden, 7 orang (9.3%) responden dan 8 orang (10.7%) responden berdasarkan ketiga-tiga rangsangan gambar tersebut. Seterusnya, bagi responden yang berumur 5 tahun, penguasaan bidang morfologi menunjukkan 17 orang (22.7%) responden berdasarkan gambar 1, serta 14 orang (18.7%) responden berdasarkan gambar 2 dan 3. Hal ini menunjukkan bahawa kerapan responden yang berumur 3 dan 4 tahun menunjukkan prestasi penguasaan bidang morfologi yang lebih rendah berbanding tahap pencapaian responden yang berumur 5 tahun.

Selain daripada menggunakan soal selidik, penguasaan bidang morfologi juga dikenal pasti melalui komunikasi antara pengkaji dan sesama mereka secara tidak langsung. Berdasarkan pemerhatian dan rekod, aspek morfologi yang diaplikasikan dalam perbualan mereka meliputi kata nama, kata kerja, kata adjektif dan kata sendi. Jadual 4 menunjukkan penguasaan aspek morfologi mengikut golongan kata.

Jadual 4. Penguasaan morfologi responden mengikut golongan kata.

Taska	Kata Nama			Kata Kerja			Kata Adjektif			Kata Sendi		
Pusat PERMATA Bercham	3T	4T	5T	3T	4T	5T	3T	4T	5T	3T	4T	5T
	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓
Pusat PERMATA Sungai Siput	3T	4T	5T	3T	4T	5T	3T	4T	5T	3T	4T	5T
	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X	X	✓	X	X	✓
Pusat PERMATA Teluk Intan	3T	4T	5T	3T	4T	5T	3T	4T	5T	3T	4T	5T
	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓	X	X	✓
Pusat PERMATA Padang Rengas	3T	4T	5T	3T	4T	5T	3T	4T	5T	3T	4T	5T
	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X	X	✓
Pusat PERMATA Besout 1	3T	4T	5T	3T	4T	5T	3T	4T	5T	3T	4T	5T
	✓	✓	✓	X	✓	✓	X	X	✓	X	X	✓

Petunjuk: T – Tahun; ✓ - Boleh menguasai; X - Tidak boleh menguasai

Pemerhatian dan penelitian secara tidak terancang dilakukan dalam melihat penguasaan morfologi responden mengikut golongan kata. Berdasarkan jadual di atas, keseluruhan responden yang berumur 5 tahun dapat menguasai kesemua golongan kata dengan baik, berbanding responden yang berumur 3 dan 4 tahun. Terdapat sebahagian responden yang berumur 4 tahun yang tidak boleh menguasai golongan kata bagi kata adjektif dan kata sendi sahaja. Begitu juga bagi sebahagian responden yang berumur 3 tahun yang tidak boleh menguasai golongan kata adjektif dan sendi serta sebilangan kecil responden tidak boleh menguasai golongan kata kerja. Hal ini berikutan perkataan yang diujarkan tidak tepat berdasarkan gambar yang diberikan. Misalnya, bagi gambar 2 yang menerangkan tentang ‘saya peluk adik’, terdapat kanak-kanak yang berumur 3 tahun menyebut perkataan dukung adik, pegang adik, ambil adik, tarik adik dan bukannya peluk, sayang, comel dan sebagainya bagi menerangkan apa yang mereka lihat. Apabila diminta menerangkan lebih lanjut ‘dukung macamana?’, mereka tidak dapat menggunakan kata sendi seperti ‘dengan’ dan begitu juga bagi jawapan-jawapan lain yang diperolehi daripada kanak-kanak tersebut akan dikaitkan oleh penyelidik dengan penggunaan kata sendi. Jadual 5 menunjukkan perkataan-perkataan yang dihasilkan oleh kanak-kanak tersebut.

Jadual 5. Perkataan-perkataan yang diujarkan oleh responden.

Golongan Kata	Perkataan
Kata Nama	Adik, kaki, baju, patung, mata, hidung, telinga, katil, bantal, botol, susu, tangan, rambut, dia, budak, kakak, nama, bunga, emak, kawan, kotak, bilik, dapur, kedai, muka,
Kata Kerja	Tidur, peluk, bagi, pergi, main, usik, lambung, beli, tarik, dukung, pakai, keluar, masuk, minum, diminum, terambil, termakan,
Kata Adjektif	suka, sayang, pendek, warna merah, warna kuning, warna hijau, warna putih, belang, cantik, comel, sedap, busuk, wangi, seronok, gembira, jauh
Kata Sendi	Kat, dari

4.3 Bidang Sintaksis

Penguasaan kanak-kanak prasekolah dalam bidang sintaksis pula diukur dari segi kebolehan kanak-kanak prasekolah dalam pelbagai latar umur menghasilkan ayat-ayat ringkas berdasarkan rangsangan gambar yang diberikan oleh penyelidik. Seterusnya, merujuk kepada Jadual 3, penguasaan sintaksis dalam kalangan responden yang berumur 3 tahun menunjukkan kekerapan sebanyak 4 orang (8.3%), 1 orang (1.3%) dan 18 orang (24.0%) responden bagi gambar 1, 2 dan 3. Kekerapan responden yang berumur 4 tahun pula melibatkan seramai 10 orang (13.3%), 8 orang (10.7%) responden yang menguasai tahap sintaksis bagi gambar 1, 2 dan 3 (30.7%) bagi gambar 3. Seramai 14 orang (18.7%), 15 orang (20.0%) dan 23 orang (30.7%) responden yang berumur 5 tahun menguasai tahap sintaksis bagi gambar 1, 2 dan 3. Sebagai perinciannya, bidang sintaksis merupakan bidang ilmu bahasa yang mengkaji bentuk, struktur, dan binaan atau konstruksi ayat (Nik Safiah Karim, 1993: 317). Penelitian terhadap tahap penguasaan sintaksis bagi responden yang berumur 3, 4 dan 5 tahun dalam kajian ini dikenal pasti melalui keupayaan responden dalam menyambungkan ayat yang sesuai dan betul mengikut gambar.

Secara keseluruhannya, pencapaian bidang sintaksis responden menunjukkan kadar kekerapan yang rendah bagi umur 3 tahun dan tahap sederhana bagi umur 4 dan 5 tahun. Analisis juga merumuskan penguasaan sintaksis bagi gambar 3 menunjukkan kadar kekerapan yang tinggi bagi setiap peringkat umur iaitu 3, 4 dan 5 tahun. Kebanyakan responden dapat membanding beza perlakuan perilaku (adik) dalam gambar sama ada sedang minum dalam keadaan meniarap, baring, duduk atau berjalan. Hal ini bermakna pengajaran morfologi harus seiring dengan pembelajaran semantik kerana pemahaman yang rendah

terhadap setiap kata kerja tersebut berkemungkinan mempengaruhi tahap penguasaan sintaksis responden dalam menjawab soalan tersebut.

4.4 Bidang Semantik

Penguasaan kanak-kanak prasekolah dalam bidang semantik diuji melalui penggarapan makna bagi situasi yang terdapat dalam gambar yang diberikan oleh penyelidik. Penganalisisan data terhadap tahap semantik pula (seperti dalam Jadual 3) memberi perincian tentang tahap penguasaan responden dalam memahami makna sesuatu istilah atau perkataan. Jadual di atas menunjukkan bahawa kekerapan responden yang berumur 3 tahun, iaitu seramai 18 orang (24.0%), 19 orang (25.3%), 10 orang (13.3%) responden menguasai tahap semantik bagi gambar 1, 2 dan 3. Sebanyak 21 orang (28.0%) responden menguasai tahap semantik bagi gambar 1 dan 2 dan 18 orang (24.0%) responden bagi gambar 3. Bagi responden yang berumur 5 tahun pula, kekerapan seramai 25 orang (33.3%), 22 orang (29.3%) dan 24 orang (32.4%) responden menguasai tahap semantik bagi gambar 1, 2 dan 3. Hal ini menunjukkan bahawa wujud pencapaian yang positif dalam pengukuran bidang semantik.

Sebagai perinciannya, dalam bidang semantik tahap penguasaan responden dikhususkan terhadap pemahaman perkataan berdasarkan ayat yang diberikan dalam setiap gambar (ayat-ayat tersebut dibaca oleh penyelidik). Misalnya pada gambar 2, penyelidik meminta kanak-kanak menunjukkan siapa ‘saya’ dan ‘adik’ yang dimaksudkan dalam gambar tersebut. Kebanyakan kanak-kanak dapat menunjukkan konteks seperti dalam gambar dengan menunjukkan jari mereka terhadap perkara tersebut. Begitu juga apabila ditanyakan berkaitan perkataan ‘minum’, kanak-kanak dapat menunjukkan perlakuan yang tepat. Secara keseluruhannya, kadar kekerapan responden bagi setiap peringkat umur menunjukkan prestasi positif kerana bilangan responden yang menguasai tahap semantik jauh lebih tinggi berbanding responden yang tidak menguasainya.

4.5 Bidang Pragmatik

Penelitian terhadap tahap penguasaan bahasa yang terakhir, iaitu tahap pragmatik pula menjelaskan tentang penguasaan responden dalam memahami sesuatu perkara mengikut konteks (Nor Hashimah Jalaluddin, 2003). Dalam kata lain, responden seharusnya dapat menguasai sesuatu perkara yang mempunyai ciri-ciri pragmatik yang bersifat praktikal, banyak memperhitungkan keadaan dan akibat yang sebenar yang sedia ada atau timbul. Ciri-ciri pragmatik yang terdapat di dalam soalan dikenal pasti berdasarkan konteks gambar yang diberikan. Jadual 3 menunjukkan bahawa kekerapan seramai 19 orang (25.3%), 13 orang (17.3%) dan 22 orang (29.3%) responden yang berumur 3 tahun menguasai tahap pragmatik bagi gambar 1, 2 dan 3.

Seterusnya responden yang berumur 4 tahun pula menunjukkan kekerapan seramai 22 orang (29.3%), 20 orang (26.7%) dan 25 orang (33.3%) responden bagi gambar 1,2 dan 3. Bagi responden yang berumur 5 tahun pula, kadar kekerapan melibatkan sejumlah 22 orang (29.3%) bagi gambar 1 dan 25 orang (33.3%) responden bagi gambar 2 dan 3. Berdasarkan soalan yang diberikan, apabila diajukan mengapakah adik seronok dalam gambar 1, mereka menyatakan jawapan berikut; ‘sebab adik dapat patung’, ‘sebab mak dia belikan patung’, ‘sebab patung tu cantik’ dan ‘sebab patung besar’ bagi kanak-kanak yang berumur 3 tahun (khusus bagi kanak-kanak yang boleh menyebut dengan jelas), manakala jawapan yang lain yang diperolehi daripada kanak-kanak yang berumur 4 tahun ialah seperti berikut; ‘sebab mak ayah dia beli patung mahal’, ‘sebab dia dapat hadiah patung’, ‘sebab dapat patung bear’ dan ‘sebab patung dia comel’ (khusus bagi kanak-kanak yang boleh menyebut dengan jelas). Jawapan ini menunjukkan bahawa mereka mengadaptasi makna konteks di dalam gambar dengan pengalaman mereka yang pastinya berasa seronok kerana memiliki patung. Keputusan ini jelas menunjukkan bahawa prestasi kognitif kanak-kanak dalam bidang pragmatik amat tinggi. Konsep pragmatik terserlah dalam jawapan yang diusulkan oleh kanak-kanak dalam setiap pertanyaan guru. Hal ini kerana, kanak-kanak melihat alam sekelilingnya dan mengadaptasikan dalam kehidupan mereka. Dengan kata lain, kepekaan yang tinggi terhadap pengalaman mereka menjadikan mereka dapat menjawab soalan yang diberikan dengan baik.

Dalam proses penganalisis data pencapaian responden dalam menjawab soalan, pengkaji melakukan pengelasan tahap pencapaian responden dengan pembahagian tahap rendah, sederhana dan tinggi. Pembahagian tahap tersebut dirumuskan seperti Jadual 6.

Jadual 6. Kekerapan responden berdasarkan tahap pencapaian responden menjawab soalan.

Umur Kanak-kanak	Tahap	Tempat (Pusat PERMATA)											
		Sungai Siput		Bercham		Padang Rengas		Teluk Intan		Besout 1		Jumlah	
		K	%	K	%	K	%	K	%	K	%	K	%
3 Tahun	R	3	4.0	4	5.3	2	2.7	2	2.7	2	2.7	13	17.3
	S	1	1.3	0	0.0	2	2.7	2	2.7	3	4.0	8	10.7
	T	1	1.3	1	1.3	1	1.3	1	1.3	0	0.0	4	5.3
4 Tahun	R	2	2.7	1	1.3	1	1.3	1	1.3	1	1.3	6	8.0
	S	1	1.3	2	2.7	2	2.7	2	2.7	2	2.7	9	12.0
	T	2	2.7	2	2.7	2	2.7	2	2.7	2	2.7	10	13.3
5 Tahun	R	1	1.3	0	0.0	0	0.0	0	0.0	1	1.3	2	2.7
	S	1	1.3	2	2.7	2	2.7	1	1.3	1	1.3	7	9.3
	T	3	4.0	3	4.0	3	4.0	4	5.3	3	4.0	16	21.3
Jumlah		15	20.0	15	20.0	15	20.0	15	20.0	15	20.0	75	100.0

Petunjuk: K – Kekerapan; % - Peratus

Berdasarkan Jadual 6, pencapaian responden yang berumur 3, 4 dan 5 tahun dibahagikan kepada tiga tahap, iaitu tahap rendah (R), sederhana (S) dan tinggi (T). Kekerapan responden menunjukkan tahap responden yang berumur 3 bersifat negatif berbanding tahap responden yang berumur 4 dan 5 tahun. Hasil dapatan menunjukkan kekerapan responden yang berumur 3 tahun adalah paling tinggi pada tahap rendah seramai 13 orang (17.3%) responden menguasai bidang bahasa dan kognitif, diikuti 8 orang (10.7%) responden pada tahap sederhana dan 4 orang (5.4%) responden pada tahap tinggi. Berbeza pula dengan pencapaian responden berumur 4 dan 5 tahun yang menunjukkan seramai 4 orang (5.3%) dan 2 orang (2.5%) responden mencapai tahap rendah, 9 orang (12.0%) dan 7 orang (9.3%) responden pada tahap sederhana serta 10 orang (13.3%) dan 16 orang (21.3%) responden mencapai tahap tinggi.

KESIMPULAN

Kajian ini telah menunjukkan bahawa penggunaan bahan rangsangan yang efektif amat penting bagi mengukur keberkesanan pengajaran guru-guru prasekolah khususnya untuk meningkatkan prestasi kognitif kanak-kanak prasekolah. Kanak-kanak prasekolah sudah sedia ada memperoleh pengetahuan yang diperolehi daripada persekitaran dan pengalaman mereka, namun pendekatan pengajaran guru akan dapat menyerlahkan lagi potensi kognitif mereka. Sewajarnya aspek bahasa diberi tumpuan utama dalam mengukur potensi kognitif dan bukannya hanya dilihat dalam komponen mendenagr dan bertutur sahaja. Strategi yang terancang menggunakan medan linguistik sebagai batasan ukuran dapat menyerlahkan potensi penguasaan bahasa dan sekaligus menguji keupayaan kognitif mereka. Berdasarkan Taksonomi Bloom (1956), guru-guru perlu kreatif dalam mencipta aktiviti berlainan aras dengan mengaitkan medan linguistik sebagai mengukur penguasaan bahasa dan kognitif mereka.

PENGHARGAAN

Kajian ini merupakan hasil kajian Geran Penyelidikan Universiti 2014-0068-106-01 yang bertajuk Pemahaman Aspek Linguistik dalam Meneliti Perkembangan Kognitif Kanak-kanak Prasekolah.

RUJUKAN

- Abdul Hamid Mahmood (2007). *Linguistik Fonetik & Fonologi Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Aslita Sdn.Bhd.
- Abdul Rashid Ali. (1992). Penguasaan Bahasa Kanak-kanak: Satu Pemerhatian Kes Awal. *Jurnal Dewan Bahasa, Oktober*, 942-968.
- Akmajian, A., Demers, R. A., Farmer, A. K. & Robert, M. (1995). *Linguistik: pengantar bahasa dan komunikasi* (Aishah Mahdi dan Azizah Hussein, Terjemah). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bloom, B.S., Engelhart, M.D., Furst, E.J., Hill, W.H. & Krathwohl, D.R. (1956). *Taxonomy of Educational Objectives: Handbook 1, Cognitive Domain*. New York: David McKay.
- Bloomberg L.D. & Volpe, M. (2008). *Completing your Qualitative Dissertation: A Roadmap from Beginning to End*. London: Sage Publication.
- Fatimah Abdullah, Sarnon, N., Hoesni, S.M & Wan Azreena W. J. (2008). Dari halaman rumah ke hadapan layar: Pola bermain dan fungsinya kepada perkembangan kanak-kanak. *Jurnal Pendidikan*, 3(1), 1823-1884.
- Feldman, R. S. (2003). *Development Across the Life Span (3rd Ed.)* Upper Saddle River, New Jersey: Prentice Hall.
- Fetler, M. (1984). Television viewing and school achievement. *Journal of Communication*, 34, 104-118.
- Laporan Awal Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2015 (PPPM 2013-2015)
www.moe.gov.my/userfiles/file/PPP/Preliminary-Blueprint-BM.pdf
- Little, D.C. & Box, J.A. (2002). Developing early reading and writing skills of young children: A program for parents. *Reading Improvement*, 39(2), 97-100.
- Mahzan Arshad. (2012). *Pendidikan Literasi Awal Kanak-Kanak Teori dan Amali*. Tg. Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd Nazri Abdul Rahman, Mohamad Muhidin Patahol Wasli ,Zanariah Ahmad, Aniza Mohd Said, Norlidah Alias, Saedah Siraj & Zaharah Hussin. (2014). Aplikasi pendekatan Fuzzy Delphi untuk membangunkan pembelajaran kanak-kanak homeschooling menggunakan media animasi interaktif. *Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik*, 2(4), 34- 40.
- Nik Safiah Karim (1993). *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin (2003). *Bahasa dalam Perniagaan: Satu Analisis Semantik dan Pragmatik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norismayanti Aida & Anida Sarudin (2013). Amalan Guru dan Aspek Penguasaan Ilmu Linguistik dalam kalangan guru Bahasa Melayu di Perak. *Jurnal Pendeta*, 4, 116-140.
- Norsita Ali & Zainal Madon. (2014). Tinjauan awal interaksi guru kanak-kanak dalam pemupukan pemikiran kreatif kanak-kanak prasekolah. *Prosiding Penyelidikan Sains Sosial ICSSR*. Kota Kinabalu: Sabah.
- Nurul Aminah Basharuddin & Hasnah Mohamad (2015). Kamus dan peranannya dalam meningkatkan minat kanak-kanak mempelajari Bahasa. *International Journal of the Malay World & Civilisation*, 3(1), 79-89.
- Siti Ezaleila Mustafa & Shahrul Nazmi Sannusi. (2012). Majalah sebagai bahan bacaan kanak-kanak: Analisis elemen editorial terhadap Kuntum, E-Baca dan Ana Muslim. *Jurnal Pengajaran Media Malaysia*, 14(2), 55-65.
- Wan Anita Wan Abas & Azizah Hamzah. (2013). Media dalam kehidupan dan perkembangan kanak-kanak. *Jurnal Pengajaran Media Malaysia*, 15(2), 27-39.